

26 JUL 1999

LID-SUDAN

SUDAN TAWARKAN PROJEK KERETAPI KEPADA MALAYSIA

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Melaksanakan perkongsian bijak pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) keempat yang sedang berlangsung di sini, Sudan dan Malaysia hari ini terbabit dalam fasa pertama perundingan untuk projek keretapi di negara Afrika itu.

Menteri Luar Sudan Ali Nimeri berkata projek itu akan dilaksanakan pada asas usaha sama oleh sektor swasta kedua-dua negara.

Bercakap kepada pemberita selepas mengiringi Presiden Sudan Lt Gen Omar Hassan Ahmad ke satu pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sampingan LID di sini hari ini, Ali berkata menteri-menteri Kewangan dan Pengangkutan Sudan akan bertemu dengan rakan-rakan sejawatan mereka di Malaysia untuk melicinkan butiran terperinci mengenai projek itu.

Menteri-menteri itu kata Omar yang menyertai di dalam LID, membincangkan perkara itu dengan Dr Mahathir, menjadikannya langkah pertam ke arah perundingan.

Beliau, bagaimanapun, tidak dapat menyatakan kos projek itu dan panjang landasan keretapi itu.

"Sudan adalah sebuah negara yang luas. Jika anda ambil talian paip sekarang yang kami telah bina, ia sepanjang 1,600 km, yang terpanjang di Afrika," katanya.

Sudan adalah negara terbesar di benua Afrika itu, merentangi kira-kira dua juga kilometer.

Ali berkata Sudan juga mengkaji usaha-usaha sama dengan Malaysia dalam banyak bidang termasuk perhubungan udara dan komunikasi.

Katanya beberapa syarikat Malaysia, termasuk gergasi minyak Petronas, telah melabur di Sudan "dan kami mencari lebih banyak pelaburan."

Mengenai perhubungan Sudan-Malaysia, Ali berkata ia adalah bertambah baik dan menyarankan agar kedua-dua negara meningkatkan penerokaan ke dalam bidang-bidang lain, terutamanya perdagangan dan pelaburan. -- BERNAMA

ES SA OS